

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [ BAYAN BARU ]**

**TARIKH : 25 MEI 2016**

**RUJUKAN : 9048**

**SOALAN:**

**Tuan Sim Tze Tzin [ Bayan Baru ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan kenapa bekas Menteri Besar Selangor, Khir Toyo dibenarkan menjalani hukuman parol di rumah kediaman tetapi bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak boleh diletakkan di bawah "house arrest". Mengapa ada double standard.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Dimaklumkan bahawa pertanyaan oleh Yang Berhormat yang menyifatkan layanan yang *double standard* adalah tidak tepat sama sekali. Juga dimaklumkan bahawa '*Sistem Parol*' dan '*house arrest*' adalah dua perkara yang berbeza.**

**Sepertimana kelayakan dan pertimbangan yang diberikan untuk semua banduan, asas utama pertimbangan oleh Lembaga Parol untuk seseorang menjalani parol adalah bergantung kepada jenis kesalahan, pencapaian pemulihan dan tempoh hukuman.**

**Bagi Dr. Khir Toyo, berdasarkan pencapaiannya dan rekod penjara, Lembaga Parol telah mendapati bahawa beliau telah berjaya mencapai tahap pemulihan yang baik, disamping memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk menjalani pemulihan secara parol.**

**Bagi '*house arrest*' sepertimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat, adalah dinyatakan bahawa ianya tidak dilaksanakan untuk mana-mana banduan di Malaysia pada masa kini. Oleh itu adalah tidak wajar dirumuskan bahawa ianya adalah *double standard*.**